

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



DATUK JALAL

## Jalal: Terserah kepada Kerajaan Johor, kata PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, beliau tidak menghalang Ahli Exco Johor Datuk Jalal Abu Bakar meletakkan jawatannya.

Katanya, perkara itu terserah kepada Kerajaan Johor sama ada menerima atau menolak kerana soal perletakan jawatan itu merupakan masalah Kerajaan Negeri.

"Bagi saya tidak ada apa-apa halangan beliau hendak meletakkan jawatannya," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang ditemui di pejabatnya hari ini memberitahu, beliau mengetahui perletakan jawatan itu melalui satu surat yang dihantar oleh Datuk Jalal kepadanya.

Ditanya apakah punca menyebabkan Datuk Jalal meletakkan jawatannya sebagai Ahli Exco Negeri Johor, Perdana Menteri sambil tersenyum berkata, "Mungkin beliau sudah ada kerja lain yang baik".

Difahamkan Datuk Jalal sudah meyam-paikan surat perletakan jawatannya kepada Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad dua minggu lalu. Menteri Besar kemudiannya meminta nasihat dari pemimpin-pemimpin parti dan keputusan diecapai supaya menerima perletakan jawatan itu.

Datuk Jalal sebelum ini ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri dan dilantik sebagai Exco dalam pilihanraya lalu.

No. Si

No. Pe